

Citra Budaya JKKN

ISSN 2180 - 009 X BIL 1 / 2018

JABATAN KEBUDAYAAN
& KESENIAN NEGARA
جياتن کبودایان دان کسنيان نکارا

Makanan Tradisi Negeri Terengganu Masi Dagang & Aneka Tuadah Pantai Timur





Coret-Coret Editor

"Kejayaan akan hadir bila mana keberanian mengatasi ketakutan. Kegagalan bukan kerana tahap kemampuan, tapi kerana ketakutan untuk mencuba dan memulakan.

Apa yang dimulakan, itulah penentu masa depan
PERMULAAN itulah PERJUANGAN. "

-TUAH MATNOR

YBHG. TAN SRI NORLIZA ROFLI
KETUA PENGARAH

YBRS. MOHAMAD RAZY MOHD NOR
TIMBALAN KETUA PENGARAH
(SEKTOR DASAR DAN PERANCANGAN)

YBHG. DATO' MOD ZAKY BIN HAJI DIN
TIMBALAN KETUA PENGARAH
(SEKTOR KEBUDAYAAN DAN KESENIAN)

Penulis

RIZAL (DATO KERAMAT)
EEZMADYANA AZLIN NORDIN
ZURIAH MOHAMAD
MILYANA HJ. ARSHAD
NOVRIADI JAMALUS
JUMANINOR HANAFFI
NANG NURUL NAJIYAH
NURUL SYUHADAH AZAHASAH
NORHIDAYU AZMAN
AIN NATRAH MOHD FARID

Pereka Grafik/Kreatif
BAFTI HERA ABU BAKAR

Jurufoto
MUHAMMAD ASYRAF REZALI

SIDANG REDAKSI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN
CAWANGAN PENTADBIRAN
CAWANGAN SUMBER SUMBER MANUSIA
CAWANGAN KEWANGAN
BAHAGIAN PENGEMBANGAN SENI BUDAYA
BAHAGIAN BIMBINGAN SENI BUDAYA
BAHAGIAN PEMBANGUNAN PRODUKSI DAN ARTISTIK (ACARA)
BAHAGIAN PENGUKUHAN SENI DAN BUDAYA
CAWANGAN PERANCANGAN DAN PENYELARASAN DASAR
CAWANGAN PENYELIDIKAN DAN PEMBANGUNAN
BAHAGIAN PEMBANGUNAN PRODUK SENI BUDAYA (INDUSTRI KREATIF)
CAWANGAN DOKUMENTASI DAN PENERBITAN
BAHAGIAN PENTADBIRAN DAN KEWANGAN
JABATAN KEBUDAYAAN DAN KESENIAN NEGARA NEGERI-NEGERI

Penyelaras Pengedaran Buletin
MUHAMMAD HAQKAM HARIRI
MUHAMMAD FAIZAL RUSLEE
EN. MUHAMMAD AMIN BIN ALIAS

Pusat Sumber Seni Budaya
SITI ANISAH ABD. RAHMAN
FAUZIAH AHMAD
ASIAH MAT JUSOH

CITRA BUDAYA JKKK merupakan penerbitan yang berperanan dalam menyampaikan wadah dan matlamat kepada masyarakat dalam usaha merealisasikan penyemarakan dan pemeliharaan seni budaya. Ia diterbitkan dua (2) kali setahun. Sidang editorial CITRA BUDAYA JKKK sangat mengalu-alukan sumbangan anda dalam sebarang bentuk karya seperti artikel, rencana, pantun, puisi, cerpen dan sebagainya.

Sila hantarkan sumbangan anda kepada :
Cawangan Dokumentasi dan Penerbitan,
Aras 30, Menara TH Perdana, Lot 1001, Jalan
Sultan Ismail, 50250 Kuala Lumpur.

SELAMAT DATANG
WELCOME

JKKN
JABATAN KEBUDAYAAN
& KESENIAN NEGARA
جباتن کبودایان دان کسنيان نکارا
NATIONAL DEPARTMENT FOR CULTURE & ARTS

CAWANGAN DOKUMENTASI & PENERBITAN
DOCUMENTATION & PUBLICATION DIVISION



Pusat Rujukan Seni Budaya

PUSAT_SUMBER_SENI_BUDAYA • Follow



♥ 2018 likes

PUSAT_SUMBER_SENI_BUDAYA Susunan buku-buku yang teratur dan kemas bagi memudahkan pengunjung mencari bahan bacaan dan rujukan #jkkn

PUSAT_SUMBER_SENI_BUDAYA • Follow



♥ 2018 likes

PUSAT_SUMBER_SENI_BUDAYA Pengunjung perlu mengisi borang maklumat untuk meminjam buku. Pinjaman akan berjalan selama dua minggu. #jkkn

PUSAT_SUMBER_SENI_BUDAYA • Follow



♥ 2018 likes

PUSAT_SUMBER_SENI_BUDAYA Ruangan perbincangan juga turut disediakan dan menjadi pilihan utama pengunjung #jkkn



A portrait of a woman, Norliza Rofli, wearing a brown hijab and a light yellow long-sleeved dress with intricate gold embroidery on the neckline and cuffs. She is seated in a dark leather armchair, smiling at the camera. The background is a blurred indoor setting with warm lighting. The entire image is framed by a gold border with decorative floral corner ornaments.

*Beribu adat dijaga rapi,
Lambang generasi dahulu kala,
Tinggi adat bangsa bersemi,
Tanpanya jiwa kosong terasa.*

*Kain songket kain budaya,
Benang emas hemat ditenun,
Berbudi murni amalan kita,
Tanda hidup kita serumpun.*

*Cintakan dara pahat dihati,
Harapan tinggi kasih disemai,
Seni budaya disanjung tinggi,
Agar warisan utuh dikekali.*

Norliza Rofli

KETUA PENGARAH
JABATAN KEBUDAYAAN DAN KESENIAN NEGARA

Isi Kandungan

5

KATA-KATA ALUAN KETUA PENGARAH JKKN

7

CHEBILANG & HARI KEBUDAYAAN MELAYU

8-10

PEKA BAHASA

11

JOM AMALKAN NILAI-NILAI MURNI

12-13

ANEKA JUADAH PANTAI TIMUR

14

PENGLIBATAN MAHASISWA DALAM
MEMBANGUNKAN SENI TEATER

15

SEJARAH MALAYSIA TERCIPTA
DI BANDAR PYEONGCHANG

16-17

SUDUT KREATIF

18

CERPEN PENDEK : DUNIA AKU

19-20

SEKSIME - TIDAK PERLU DIBUDAYAKAN

21

POSISI TANGAN DALAM TARI

22-23

BUDAYA KETENTERAAN DALAM
KEHIDUPAN AWAM

24-25

PERANAN DASAR PENDIDIKAN NEGARA
DALAM MEMBENTUK PERPADUAN NEGARA

CHEBILANG & HARI KEBUDAYAAN MELAYU



Majoriti penduduk Kampung Chebilang yang terletak di pesisir pantai daerah Mueang, Wilayah Satun, Thailand adalah berbangsa Melayu dan beragama Islam. Mereka masih mengekalkan tradisi budaya Melayu serta bertutur Bahasa Melayu loghat Perlis dalam komuniti mereka. Wilayah Satun suatu ketika dahulu merupakan jajahan di bawah negeri Kedah yang dikenali dengan nama Setul dan diserahkan kepada kerajaan Siam selepas Perjanjian Bangkok pada tahun 1909 yang dimeterai antara kerajaan British dan Siam. Kini panggilan Setul telah diubah kepada Satun mengikut dialek Siam.

Hari Kebudayaan Melayu yang diadakan pada 17 Februari 2018 di Kampung Chebilang ini telah masuk edisi tahun ke-4 penganjurannya dan program ini telah diiktiraf oleh kerajaan Thailand bagi penduduk Satun berbangsa Melayu dalam mengetengahkan kesenian dan sosio budaya masyarakat rumpun Melayu di Satun. Kerajaan negeri Perlis juga turut dijemput bagi memeriahkan program ini agar hubungan dua hala serta kerjasama sempadan antara kerajaan negeri Perlis dan wilayah Satun yang bersempadan Malaysia – Thailand dapat dieratkan lagi.



Kumpulan Kesenian JKKN Perlis sekali lagi dijemput untuk mempersembahkan kesenian tarian Melayu seperti karya Inang Batil, Joget Kereta Lembu, Zapin dan Dikir 3D, di pentas yang dirasmikan oleh Gabenor Wilayah Satun. Komuniti Satun turut mempersembahkan pentomen penceritaan penduduk asal Melayu Satun dan tarian kebudayaan tempatan. Pelbagai aktiviti dan persembahan seni budaya

diketengahkan melalui program ini. Di antaranya adalah persembahan kesenian pencak silat, dikir barat dan alunan nasyid serta persembahan istimewa daripada Dato' Awie yang hadir bersama rombongan motor berkuasa tinggi dari Kuala Lumpur untuk bertemu dengan peminat tempatan. Gera-gerai jualan juadah dan produk tempatan juga dibuka bagi mereka yang ingin menikmati sajian makanan penduduk Melayu Satun antaranya laksa siam kuah lemak, pulut tongdam, aneka kerabu dan pelbagai lagi.



PEKA BAHASA

PENGUNAAN APITAN KATA KERJA

- Apitan ialah unsur imbuhan yang hadir secara melingkungi kata dasar, iaitu dua bahagian imbuhan hadir pada awal dan akhir secara serentak.
- Apitan yang membentuk kata kerja dalam Bahasa Melayu ialah meN-...-kan, beR-...-kan, beR-...-an, di-...-kan, meN-...-i, di-...-i, memper-...-kan, memper-...-i, ke-...-an, diper-...-kan, diper-...-i
- Jenis kata kerja yang pertama ialah kata dasarnya boleh menerima awalan meN-, atau beR- selain boleh juga menerima apitan meN-...-kan, di-...-kan, beR-...-an, atau beR-...-kan.

Contoh:

Awalan meN- , beR - , di	Apitan meN-...-kan, di-...-kan beR-...-an, atau beR-...-kan
membaca	membacakan
membeli	membelikan
diberi	diberikan
bersedih	bersedihan

- Kata dasarnya hanya dapat menerima apitan meN-...-kan, di-...-kan, atau beR-...-an, dan tidak dapat menerima awalan meN-, di-, atau beR- sahaja. Contohnya:

SALAH	BETUL
mengabaikan	menggabaikan
menggelar	menggelarkan
digambar	digambarkan
dihapus	dihapuskan
berterbang	berterbangan
bermaaf	bermaafan

(Rujukan: Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga)

IMBUHAN DARIPADA YUNANI-LATIN-INGGERIS

- Imbuhan asing yang paling banyak dibawa masuk ke dalam Bahasa Melayu berasal daripada Bahasa Yunani- Latin-Inggeris.
- Imbuhan-imbuhan tersebut tidak berfungsi sebagai imbuhan dalam Bahasa Melayu, kecuali beberapa bentuk imbuhan awalan seperti pro-, anti-, mono-, poli-, auto-, dan supra-.

A. BENTUK IMBUHAN AWALAN

i. Imbuhan awalan pro-

- Awalan pro- digunakan untuk menunjukkan **tanda bersetuju, memihak**, atau **menyebelahi sesuatu pihak**. Contohnya:

Probarat	Promajikan
Prokerajaan	Propembangkang
Prokomunis	Proaktif

ii. Imbuhan awalan anti-

- Awalan anti- berlawanan dengan pro-, digunakan untuk menunjukkan **tanda melawan, membantah, menentang**, atau **tidak bersetuju dengan seruan sesuatu pihak**. Contohnya:

Antijirim	Antipenjajah
Antikemajuan	Antisosial
Antikeraajaan	Antibiotik

iii. Imbuhan awalan poli-

- Awalan poli- memberi pengertian **banyak**. Contoh perkataan:

Policakera	Polisemi
Polifas	Poliklinik
Poliarca	Polinomial

iv. Imbuhan awalan auto-

- Awalan auto- memberi pengertian **secara bersendirian**. Contohnya:

Autocarta	Autograf
Automatik	Automorf
Autonomi	Autoglutinas

v. Imbuhan awalan sub-

- Awalan sub- memberi pengertian **sebahagian daripada keseluruhan**. Contohnya:

Subbidang	Subkategori
Substandard	Subgolongan
Subkelas	Subsistem

vi. Imbuhan awalan supra-

- Awalan supra- memberi pengertian **melebihi**, **mengatasi**, atau **merentasi**. Contoh perkataan:

Supranasiona	Suprasegmen
Suprakelas	Supragolongan
Suprakategori	Suprasistem

B. BENTUK IMBUHAN AKHIRAN

- Bentuk-bentuk akhiran daripada Bahasa Yunani-Latin-Inggeris belum lagi terserap sebagai imbuhan pembentukan kata Bahasa Melayu.
- Sebagian besar bentuk ini wujud dalam perkataan yang dipinjam secara keseluruhan ke dalam Bahasa Melayu. Antara contohnya ialah -isme, -ik, -al dan -is. Contohnya:

i. Imbuhan akhiran -isme

Contoh perkataan:

Sosialisme	Nasionalisme
Kolonialisme	Realisme
Kapitalisme	Idealisme

ii. Imbuhan akhiran -ik

Contoh perkataan:

Fonemik	Linguistik
Fonetik	Siklik
Logistik	Saintifik

iii. Imbuhan akhiran -si

Contoh perkataan:

Klasifikasi	Polarisasi
Revolusi	Nasalisasi
Sensasi	Potensi

iv. Imbuhan akhiran -al

Contoh perkataan:

Klinikal	Kritikal
Praktikal	Siklikal
Leksikal	Empirikal

iv. Imbuhan akhiran -is

Contoh perkataan:

Ekonomis	Sistematis
Praktis	Magis
Pragmatis	Kritis

(Rujukan: Tatabahasa Dewan Edisi Ketiga)

JOM AMALKAN SEBAHAGIAN DARIPADA NILAI NILAI MURNI

TOLERANSI

Mengamalkan sikap sabar dalam perlakuan seharian dan mengamalkan sikap bertolak ansur dengan rakan sebaya,

KESEDERHANAAN

Mengamalkan sikap berjimat cermat dalam penggunaan barang keperluan.

KEJUJURAN

Mengamalkan sikap jujur dalam diri dan pergaulan dengan ahli keluarga, rakan dan guru.

KERJASAMA

Mengamalkan sikap kerjasama dengan rakan, jiran dan masyarakat setempat.

KEPERCAYAAN KEPADA TUHAN

Mengetahui dan menghormati kepercayaan dan pantang larang pelbagai kaum.

KEJIRANAN

Mengamalkan sikap rajin dalam perlakuan harian.

Aneka Tradah Pantai Timur

Negeri Terengganu terkenal dengan budaya masyarakatnya yang masih mengekalkan makanan tradisi. Negeri "cantik budaya, menarik, orangnya baik-baik dan yang indah permai ini menjadi tumpuan pelancong untuk bercuti di negeri ini, khususnya gamitan keenakan makanan tradisinya yang pelbagai. Bermacam juadah seperti lauk pauk dan kuih tradisi amat enak dinikmati dan tidak boleh melepaskan peluang untuk merasainya.

Di antara jaudahnya adalah seperti berikut:

Nasi Dagang

Nasi dagang Terengganu diperbuat daripada campuran beras dan beras pulut serta dimasak bersama-sama santan kelapa. Nasi dagang Terengganu dihidangkan bersama dengan kuah nasi dagang yang dimasak dengan menggunakan rempah khas dan berbeza dengan rempah kari biasa. Jenis ikan biasanya digunakan adalah ikan tongkol yang bersaiz besar, dipotong bersama acar timun.

Nasi dagang dikenali sedemikian kerana, hanya mempunyai satu lauk (tanpa acar timunnya). Mudah, bagaikan mereka yang dalam perdagangan tanpa penyediaan lauk-pauk yang banyak.



Laksam

Laksam atau Laksei / Laksang adalah masakan terkenal di negeri Kelantan dan Terengganu. Ianya diperbuat daripada tepung beras dan dimakan bersama kuah. Adunan cair tepung beras ini akan disalut pada tudung periuk dan dimasak. Setelah mengeras, ia akan digulung menjadi panjang dan sedia untuk dihidangkan. Semasa dihidang, ia boleh dipotong-potong agar mudah menyerap kuah laksam.



Ikan Singang

Ikan tongkol singgang sajian terkenal di Terengganu, ia enak dimakan bersama nasi putih berserta ulam-ulaman. Penggemar budu, anda pasti menjilat jari apabila menikmatinya bersama-sama dengan sajian ini.



Ketupat Sotong

Sotong sumbat atau dikenali sebagai ketupat sotong disumbat dengan pulut yang dimasak dalam santan pekat. Beras pulut ini akan dimasak bersama santan setelah itu disumbat ke dalam sotong dan dihidangkan dengan kuah santan. Beras pulut merah juga dibuat dengan ketupat sotong.

Keropok Lekor

Keropok lekor adalah makanan tradisional pantai timur khususnya di Terengganu yang terkenal. "Lekor" bermaksud "Lingkar" dalam bahasa Melayu Terengganu yang menggantikan ejaan "ar" kepada "or" di akhir suku kata. Keropok Lekor ialah keropok yang berlingkar. Keropok ini diperbuat daripada isi ikan laut dan campuran sagu dengan sedikit garam. Terdapat juga keropok yang dicampurkan dengan tepung kanji. Keseluruhan ramuan tersebut akan diuli dan digentel panjang bertali, sebelum direbus di dalam air panas. Keropok lekor boleh dimakan segar sebaik sahaja diangkat dengan dicicah air lada (sos cili) yang pedas.



Satar

Satar adalah makanan ringan yang diperbuat daripada ikan. Ia merupakan masakan istimewa Terengganu. Satar adalah campuran ikan tumbuk, lada dan halia yang dibalut dalam daun pisang berbentuk 3 piramid. Setiap satu akan dicucuk seperti sate gergasi dengan batang buluh dan dipanggang atas bara api.



Kuih Tepung Bunga

Kuih tradisional ini dikenali dengan nama kuih Tepung Bunga. Merupakan makanan tradisional negeri Terengganu. Kuih ini diperbuat dari tepung pulut. Rasanya enak manis di mulut.



Badak Berendam

Kuih badak berendam, atau juga dikenali sebagai sejenis kuih tradisional yang popular di Pantai Timur Malaysia iaitu di Terengganu dan juga Kelantan. Kuih badak berendam terdiri daripada adunan tepung beras yang digentel bulat dengan inti kelapa bercampur nisan. Bahagian tepung ini dibuat tawar kerana ia mempunyai inti yang manis dan dimakan bersama santan kelapa bagi memberikan rasa lemak. Kuih badak berendam dimakan bersama dengan kuah santan kelapa.



Kuih Kayu Keramat

Kuih keramat atau juga dikenali sebagai kuih kayu keramat merupakan sejenis kuih tradisi di Terengganu. Biasanya kuih ini disajikan sewaktu sarapan pagi dan minum petang.



PENGLIBATAN MAHASISWA DALAM MEMBANGUNKAN *Seni Teater*

Seni persembahan teater pada masa kini kian mendapat tempat dalam kalangan mahasiswa tempatan. Hal ini menunjukkan kesedaran terhadap kesenian warisan budaya antara mahasiswa yang kian mendalam hasil daripada wujudnya pusat-pusat pengajian tinggi yang menawarkan kos pengajian yang berkaitan seni persembahan seperti teater, tarian dan sebagainya. Teater merupakan salah satu seni drama yang dipentaskan di atas panggung yang menampilkan gabungan tarian, nyanyian dan lakonan berserta dialog. Perkataan teater dipercayai berasal daripada perkataan theatron dalam Bahasa Yunani Purba atau Greek Tua yang membawa maksud tempat duduk penonton atau stages.

Tambahan pula, kewujudan komuniti mahasiswa dalam membentuk produksi dan pementasan teater di Institut Pengajian Tinggi (IPT) sekaligus dapat menarik minat para pelajar pada seni teater lantas dapat dibangunkan secara luas lagi. Seni teater juga dapat dijadikan sebagai salah satu saluran untuk membicarakan tentang kehidupan masyarakat pada masa kini. Selain daripada menyumbang kepada pembangunan seni teater tempatan, para siswa juga dapat menjana pendapatan.

Selain itu, usaha mahasiswa dalam membangunkan seni teater juga dapat menambahkan aktiviti-aktiviti harian mahasiswa di kampus selain daripada mengurangkan kecenderungan pelajar untuk membuang masa dengan melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti yang tidak berfaedah. Antara usaha yang telah dijalankan oleh universiti untuk memartabatkan teater seni ialah Festival Teater Universiti Teknologi Mara SeMalaysia yang diadakan pada 4 hingga 11 Februari 2018 di UTM Kampus Jengka (Pahang) yang dilihat sebagai salah satu cara untuk mendedahkan

kepada para belia tentang keunikan seni teater.

Penglibatan mahasiswa dalam seni teater juga dapat meningkatkan keyakinan mahasiswa terhadap diri sendiri seterusnya memudahkan mereka untuk menyesuaikan diri dengan dunia luar yang kian mencabar. Setiap pelajar yang mengambil bahagian dalam lakonan teater akan mendapat pendedahan tentang cara-cara berkomunikasi di hadapan penonton dengan penuh keyakinan ketika berlakon di atas pentas. Hal ini dapat membantu dalam membentuk mahasiswa yang berketerampilan. Pasaran kerja pada masa kini juga menuntut mahasiswa supaya mempunyai keyakinan dalam dunia pekerjaan pada masa kini yang mencabar.

Di samping itu, usaha mahasiswa dalam membangunkan seni teater juga dapat melahirkan mahasiswa yang mempunyai daya kreativiti dan inovasi. Mahasiswa yang terlibat dalam produksi teater terutamanya yang bergerak solo menuntut mereka supaya kreatif dan inovatif dalam pementasan teater seperti rekaan set & prop, seni visual dan komunikasi visual. Perkara ini dapat mendorong mereka supaya berkerja dalam suasana.

Kesimpulannya, usaha mahasiswa dalam membangunkan lagi seni teater pada masa kini merupakan hasil daripada kesedaran para siswa dalam mengekalkan dan memelihara warisan kesenian dan kebudayaan seiring dengan perkembangan zaman. Penglibatan mahasiswa dalam seni teater dapat memberi kesan yang positif kepada mahasiswa bukan hanya dalam bidang akademik malah dalam kehidupan seharian, kreatif dan inovasi dalam melakukan tugas.



SEJARAH MALAYSIA TERCIPTA DI BANDAR PYEONGCHANG (SUKAN OLIMPIK MUSIM SEJUK KE-23 2018)



Lembaran pembukaan tahun 2018 menyaksikan pertama kali dalam sejarah, Malaysia layak untuk menyertai Sukan Olimpik Musim Sejuk 2018. Sukan Olimpik Musim Sejuk merupakan temasya sukan yang diadakan selama empat tahun sekali dan ianya melibatkan sukan musim sejuk iaitu ais atau salji. Pada tahun 2018, Sukan Olimpik Musim Sejuk akan berlangsung di Korea Selatan.

Malaysia berpeluang untuk menghantar dua orang atlet untuk Sukan Olimpik Musim Sejuk pada kali ini. Kedua-dua atlet tersebut ialah Julian Yee dan Jeffrey Webb yang telah berjaya merangkul mata bagi melayakkan diri mereka dalam sukan temasya tersebut. Dunia sempat menyaksikan Julian Yee diberi penghormatan untuk membawa Jalur Gemilang di bandar Pyeongchang, Seoul.

Justeru, penampilan dua orang anak muda dalam Sukan Olimpik Musim Sejuk 2018 dilihat dapat membuka mata rakyat Malaysia untuk memupuk minat terhadap sukan bersalji atau berais sekaligus menarik minat rakyat Malaysia terutama anak-anak muda agar meneroka bidang sukan yang berlainan. Rata-rata sukan ais atau salji ini terkenal dengan negara-negara yang mempunyai musim salji. Melalui penyertaan dua orang atlet Malaysia dalam sukan ini, negara telah mencapai satu lagi penanda aras yang dapat memberi peluang yang lebih besar kepada warga Malaysia untuk mengukir nama negara dalam bidang sukan. Walaupun Malaysia merupakan sebuah negara beriklim tropika, Malaysia juga menyediakan tempat-tempat untuk aktiviti-aktiviti sukan ais seperti di Sunway Pyramid Ice Rink atau salji buatan di I-City, Shah Alam.



Sudah pastinya penyertaan Malaysia dalam Sukan Olimpik Musim Sejuk 2018 berjaya membanggakan seluruh rakyat Malaysia. Secara tidak langsung penyertaan Malaysia dalam Sukan Olimpik Musim Sejuk 2018 menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang unik kerana Malaysia dapat menyertai sukan ini walaupun Malaysia beriklim Khatulistiwa. Hal ini dianggap unik kerana sebuah negara yang tidak beriklim sejuk seperti Malaysia juga mampu untuk menghantar dua orang atlet untuk menyertai sukan tersebut.

Diharapkan penyertaan Malaysia buat kali pertama dalam Sukan Olimpik Musim Sejuk 2018 dijadikan pembakar semangat kepada rakyat Malaysia dalam melahirkan atlet-atlet sukan ais atau salji dan mampu berdiri sebaris dengan negara-negara kuasa besar yang lain. Selain itu, diharapkan juga bagi Sukan Olimpik Musim Sejuk yang akan datang, Malaysia dapat menghantar lebih ramai lagi kontinjen.

PANTUN PEDOMAN

Indah tersirna sinar mentari
Cahaya di pangkin sandar selesa
Apa guna pintar bistari
Jika miskin budi bahasa

Orang seberang menjual keladi
Di pasar Ahad pagi yang tenang
Disanjung orang setitik budi
Keliang lahad dikenang kenang

Sedapnya berangan terbilang buah
Dimakan adik di hujung anjung
Hiduplah dengan penuh bermaruah
Budaya dikilik agama dijunjung

Jika jahat itu mercun
Usaha berhibur gempita maya
Jika nasihat itu racun
Maka terkubur pintu cahaya

Senja merah pelangi berteman
Gerimis hilang awan mencuka
Jadikan sejarah kitab pedoman
Janganlah diulang memori luka

Karya:
Rizal
Dato Keramat

PANTUN MUHASABAH DIRI

Pasang kandil senja berlabuh
Cahaya cerah ditanah pamah
Rasa kerdil di pagi Subuh
Hamba Allah serba lemah

Belilah banyak gula tepung
Murah harga kedainya senang
Semakin banyak doa diapung
Air mata jatuh berlinang

Membeli-belah di Pekan Gurun
Umpun umpun kedai sebelah
Rasa bersalah dosa berkurun
Mengharap ampun kehadiran Allah

Menongkah arus di tebing hutan
Kayuh berdua di samping suri
Moga terus diberi kesempatan
Taubat nasuha menginsafi diri

Tidur nyenyak di pagi hari
Kuat berdengkur tidak selesa
Terlalu banyak rezeki diberi
Harus bersyukur sepanjang masa

Pohon meranti dihujung desa
Cantik rimbunan petangnya redup
Ingatlah mati sepanjang masa
Bekerjalah tuan menampung hidup

Anak haruan di dalam timba
Bubu di sawah selalu ditahan
Solatlah tuan tanggungjawab hamba
Serba lemah dijadikan tuhan

Karya:
Rizal
Pulau Tikus
25318

REZEKI HARI INI

Al-Razzak itu pemberi rezeki yang maha adil
Semua makhluk yang dicipta
Punya bahagian yang berbeza-beza
Bergantung pada daya dan usaha

Gelandangan di ibu kota juga punya bahagiannya
Bukan sekadar menyuap baki makanan di belakang lorong
Bukan sekadar menghirup kopi yang masih berbaki di meja makan
Tapi diberikan mereka sekeping hati
Untuk terus menginsafi dan muhasabah diri
Mereka itu masih diberi waktu
Untuk mencari haluan dan mengemudi kehidupan

Siapa mahu menjadi gelandangan?
Untuk apa bergelandangan?
Mereka sedang diuji dengan kepayahan
Kita juga sedang diuji dengan kesenangan.

15 Januari 2017

Karya:
Milyana
JKKN

LENTURAN AMANAH

Anak-anak kecil
umpama kain putih yang bersih
Dan kitalah warga dewasa yang menentukan warnanya
Dengan berhemat kita mengajar
Dengan cermat kita mendidik
Dengan amanat kita menegur
Akhirnya, dengan rotan kita mengukur

Tapi itu semua hampir dilupakan
Melalui perbincangan dalam perundangan
Konon sudah menandatangani perjanjian Konvensyen
Maka harus diikuti segala peraturan
Sehingga budaya sendiri tiada nilai
Nilai sendiri menjadi gadaian

Harus bagaimana aku bertindak
Menidakkan yang benar
Dan membenarkan yang tidak-tidak
Kesal berbaur sesal melihat pengaruh liberal
Yang disalur melalui perundangan
Yang dihambur melalui kelembutan
Seperti memalu ular dalam benih
Ular biar mati, benih jangan rosak
Perlahan-lahan budaya kita sedang dikikis
Terhakis... Tragis... Menangis

26 Januari 2018

Karya:
Milyana
JKKN

"Aku Bangkit dan jadi seorang yang berani mengemudikan perjalanan hidup sendiri."


DUNIA AKU..

Aku manusia. Makhluq Allah yang dicipta punyai kelebihan dan kekurangan tersendiri. Kehendak Allah yang menjadikan kita..aku.. manusia sebagai khalifahNya. Aku diberikan kurniaan yang cukup sempurna. Namun, mentaliti aku sebagai manusia adalah berbeza. Itu lumrah dalam kehidupan. Kita berbeza kerana pelbagai faktor, berlainan agama, budaya, pengalaman, persekitaran dan sebagainya. Kadang-kadang aku merasakan perbezaan itu, seringkali mewujudkan salah faham antara manusia.

Antara percaya atau tidak, aku tahu hidup ini satu pilihan. Aku, mereka...berhak membuat pilihan masing-masing. Namun, aku tahu setiap pilihan dan keputusan itu, aku..kita..diri sendiri, yang akan bertanggungjawab atas semua dapatan hasilnya. Aku takut jika pilihan yang aku buat itu, tidak seperti yang aku harapkan. Tetapi aku bersedia kerana apa yang terjadi sesuai dengan perencanaanNYA. "Sebab itu, ketika para Malaikat mempertanyakan rencana Allah, maka Allah menjawabnya: Sungguh Aku mengetahui apa yang kalian tidak ketahui." (QS. Al-Baqarah : 30)

Matlamat kehidupan setiap orang tidak sama. Yang bersedih belum tentu derita, dan yang tersenyum belum tentu bahagia. Syukurilah apa yang ada, hidup ini adalah anugerahnya. Tuhan tidak akan menguji dan memberi sesuatu di luar batas kemampuan hambanya.

Aku Bangkit dan jadi seorang yang berani mengemudikan perjalanan hidup sendiri. Aku ajari diri erti keberanian. Keberanian yang akan menjadikan aku..engkau..kita.. tidak bergantung harap kepada orang lain. Aku takut..sangsi..keliru.. dengan keputusan dan tindakan sendiri. Namun aku harus belajar untuk mengabaikan perasaan itu. Aku tidak pernah gentar dengan kesilapan, kerana melalui kesilapan itulah mengajar aku erti dewasa. Aku percaya, ketakutan aku akan mengakibatkan aku kehilangan peluang yang ada depan mata. Aku tahu, hanya dengan satu keputusan, akan menentukan masa depan. Dan aku tahu, aku tidak boleh lari dari membuat keputusan..Masa depan itu milik aku..Bahagia atau derita, aku yang MEMILIHNYA...



“Jangan menangis, kau kan lelaki”, “perempuan belajar tinggi-tinggi pun nanti kena masuk dapur jugak”, lelaki tak sesuai jadi jururawat sebab itu kan kerja perempuan” atau “ala perempuan kot mana lah reti nak buat semua itu”.

Sentimen berikut acap kali kedengaran dalam kehidupan seharian sehingga menjadi satu norma yang tidak mengapa untuk dituturkan. Pernahkah kita terfikir bahawa kata-kata tersebut berunsur seksisme atau kita sebenarnya secara tidak langsung bersikap prejudis terhadap individu lain yang berbeza dari kita. Atau kita tahu tanpa rasa mahu peduli?

Seksisme didefinisikan sebagai diskriminasi atau prejudis terhadap individu berdasarkan jantina tidak kira lelaki mahu pun wanita. Seksisme juga boleh dinyatakan sebagai satu kepercayaan di mana satu jantina lebih hebat dan signifikan berbanding yang lain. Asalnya konsep seksisme adalah untuk menerapkan dan memberi kesedaran mengenai nilai dan hak wanita semasa gelombang feminisme di barat pada tahun 1960 ekoran penindasan yang dialami oleh



golongan wanita. Dari situ timbul kesedaran bahawa golongan wanita juga layak dilayan sama rata dan adil tanpa menjadikan golongan lelaki sebagai perbandingan. Setelah hampir 50 tahun, golongan wanita masih lagi dijadikan target kepada sentimen berbaur seksis. Segelintir golongan wanita juga terpaksa berhadapan dengan persepsi bahawa mereka tidak layak untuk berdiri sama tinggi dengan lelaki dalam pelbagai aspek seperti pekerjaan. Walau mereka sudah berjaya namun masih terdapat individu yang memandang rendah akan keupayaan dan kejayaan tersebut seakan kejayaan itu tidak layak diperolehi. Media massa juga tidak lepas dalam menjadikan wanita sebagai objek yang berunsurkan seksisme. Lihat sahaja iklan-iklan yang penuh dengan

kontroversi seperti American Apparel dan sebagainya yang menjadikan wanita sebagai objek seks dan diletakkan rendah tarafnya.

Namun begitu lelaki juga tidak terlepas daripada menjadi sasaran seksisme dalam kehidupan seharian. David Banatar dalam bukunya "The Second Sexism: Discrimination Against Men and Boys", menyatakan bahawa terdapat beberapa kes di mana diskriminasi terhadap lelaki sangat jelas dan masyarakat tidak mengambil serius hal tersebut kerana lelaki seharusnya menjadi kuat dan tidak seharusnya bersikap lemah walau pada hakikatnya lelaki juga merasa sakit. Sebagai contoh, jika terdapat kes seperti keganasan rumah tangga dan lelaki menjadi mangsa, masyarakat lebih memilih untuk tidak merasakan apa-apa. Perhatian yang diberikan juga sedikit. Pada hemat masyarakat, lelaki tidak seharusnya membiarkan diri mereka dijadikan mangsa tohmahan seksisme.

Maka, persoalannya di sini mengapa sikap sedemikian wujud dalam diri masing-masing sedangkan lelaki dan wanita masing-masing mempunyai peranan yang tersendiri dalam hierarki sosial beserta kelebihan dan kelemahan. Hal ini terjadi kerana ceteknya pengetahuan dan kurangnya kesedaran tentang seksisme. Terdapat juga segelintir masyarakat yang tidak ambil pusing mengenai hal ini kerana merasakan ianya remeh. Hasilnya, pemikiran dan percakapan dalam seharian tidak lari daripada elemen seksisme kerana kita merasakan bahawa tiada salahnya mengenai perkara tersebut tanpa mengambil kira perasaan individu. Kita sudah terbiasa membandingkan dan menjustifikasikan sesuatu perkara itu berdasarkan jantina. Seksisme bukan sahaja berlaku di Malaysia tetapi juga di seluruh dunia tanpa mengira bangsa dan agama dengan situasi yang sama iaitu ketidakpuasan hati dan prejudis




terhadap jantina yang berlainan. Misalnya di Afghanistan, wanita dinafikan hak untuk mendapat pendidikan dan hanya lelaki sahaja bebas untuk belajar. Lihat sahaja Malala Yousafzai dan perjuangannya menentang Taliban di Pakistan kerana hak belajar dinafikan.

Secara generalisasinya, tidak keterlaluan untuk ditintakan di sini bahawa seksisme boleh menjadi punca perbalahan, pergaduhan dan ketidakpuasan hati antara satu sama lain serta menutup peluang seseorang untuk berjaya hanya kerana peluang itu dirasakan layak untuk satu jantina sahaja. Seharusnya perkara ini tidak berlaku kerana setiap orang memiliki hak sama rata seperti yang tertakluk dalam Artikel 1 dan Artikel 2 Deklarasi Hak Asasi Manusia di mana setiap orang dilahirkan bebas dan mempunyai hak yang sama serta tiada sebarang diskriminasi walau berbeza. Maka, kita perlu berhati-hati agar tidak mempraktikkan seksisme dalam kehidupan seharian. Tidak perlu juga untuk dijadikan sebagai kebiasaan hingga akhirnya sebatik menjadi budaya kerana adiwangsa tidak perlukan budaya yang menjadikan perbezaan jantina sebagai kayu pengukur kejayaan. Mengapa perlu perkara salah dibiasakan dan dibudayakan? Tepuk dada tanya iman.

POSISI TANGAN DALAM TARI

Istilah-istilah beberapa posisi dalam tari yang terdapat dalam Tarian Tradisional Malaysia.

1. Tindih Kasih




Posisi tangan kanan berada di atas pergelangan tangan kiri manakala telapak tangan kanan dan kiri menghadap ke sisi.

2. Tusuk Bumi



Posisi kedua-dua belah telapak tangan menghadap ke hadapan dan hujung jari menyentuh lantai.

3. Lambaian Angin




Posisi tangan digerak dari arah kanan bawa ke arah kiri dan balas ke arah kanan.

4. Lambung Angin



Posisi jari digulung dan pergelangan tangan dipusingkan ke arah dalam serta bukakan jari dalam posisi lentik.

5. Sepit Ketam



Posisi ibu jari dirapatkan dengan jari telunjuk manakala 3 jari lagi dalam posisi lentik.

6. Menatang



Posisi telapak tangan menghadap ke atas manakala ibu jari lurus dan lentik dan empat jari dirapatkan dalam posisi lentik.

7. Kuak



Posisi pergelangan tangan pusing ke arah luar, kemudian telapak tangan menghadap ke depan posisi jari lentik, seterusnya tangan diluruskan ke bawah.

8. Genggam Tak Sudah



Posisi tangan digenggam sedikit sambil hujung ibu jari diletakkan di atas garisan kedua jari telunjuk.

BUDAYA KETENTERAAN DALAM KEHIDUPAN AWAM

Kehidupan sebagai seorang tentera dan kehidupan sebagai orang awam berbeza dari beberapa jenis aspek. Nilai kehidupan yang di bawa oleh dua individu ini juga berbeza, dari sudut pandangan kita sebagai seorang awam memandang seorang tentera sebagai seorang individu yang berdisiplin, berintegriti dan bertanggungjawab. Mereka dipandang sedemikian kerana nilai tersebut dibawa dan dipraktikkan oleh individu tentera ke mana sahaja mereka pergi malah mereka telah dilatih untuk hidup dengan nilai tersebut. Pandangan dan interpretasi orang awam menganggap tentera ini dilatih dengan latihan yang sangat berat sehingga mereka menjadi seorang individu yang sangat berdisiplin, kuat dan gagah di mata masyarakat. Budaya yang dipraktikkan dalam institusi atau organisasi ketenteraan dianggap tidak sesuai dipraktikkan dalam kehidupan seharian seorang awam kerana bagi mereka ianya terlalu tegas dan mereka takut untuk terikat dengan kehidupan yang penuh dengan peraturan. Budaya yang dipraktikkan oleh tentera sememangnya sesuai dan digalakkan untuk dipraktikkan dalam kehidupan seharian kita sebagai seorang awam kerana sesungguhnya peraturan itulah yang boleh membentuk seorang manusia itu menjadi lebih teratur.

Budaya boleh didefinisikan sebagai satu produk sosial

yang melibatkan perkongsian nilai, norma hidup, idea, simbol dan pandangan yang serupa. Budaya yang wujud dalam sesebuah organisasi sosial itu membezakan satu organisasi dan organisasi yang lain. Nilai-nilai budaya yang dibawa oleh setiap organisasi yang berbeza ini membawa sisi pandangan yang berbeza terhadap sesuatu perkara. Begitu juga dengan organisasi ketenteraan dan organisasi awam, mereka mempunyai nilai budaya yang berbeza yang dipraktikkan dalam kehidupan seharian mereka. Organisasi ketenteraan memberi fokus yang lebih terhadap disiplin, integriti dan ketulusan di samping mengejar matlamat mereka dalam sesuatu tugas, manakala organisasi awam lebih memberi tumpuan dan perhatian kepada mengejar matlamat organisasi.

Chain of Command adalah satu budaya di mana aliran penyampaian maklumat dilakukan mengikut pangkat seseorang itu dalam sesebuah organisasi. Individu yang berpangkat rendah ataupun yang baru memulakan pekerjaan mereka, hendaklah menyampaikan maklumat mereka kepada orang yang berpangkat tinggi daripada mereka, tetapi tidak boleh menyampaikan maklumat tersebut terus kepada pihak yang teratas kerana aliran penyampaian maklumat haruslah mengikut pangkat ataupun jawatan yang disandang oleh individu tersebut. Begitu juga jika penyampaian sesuatu maklumat hendak dilakukan dari pihak yang paling teratas, hendaklah mengikut aliran yang betul dari pihak yang teratas sehingga pangkat yang paling rendah.

Budaya *Chain of Command* dalam persekitaran organisasi awam dapat memberikan kelebihan kepada pengurusan sesebuah organisasi tersebut. Jika budaya ini dipraktikkan dalam organisasi awam seperti mana



yang dijelaskan di atas, sesebuah maklumat yang akan disampaikan akan terjamin keselamatannya. Maklumat yang disampaikan oleh satu pihak kepada pihak atasan mengikut aliran Chain of Command akan memastikan maklumat yang akan disampaikan itu terjamin kesahihannya kerana, pihak yang menerima dan yang menyampaikan sudah diberi tanggungjawab dan kepercayaan untuk memegang tanggungjawab untuk menyampaikan perkara yang benar. Tujuan Chain of Command ini dipraktikkan dalam organisasi ketenteraan adalah untuk memastikan maklumat yang disampaikan itu benar, dan selamat dan pada masa yang sama untuk memastikan maklumat organisasi tidak jatuh ke tangan pihak yang tidak sepatutnya.

Seterusnya, melalui budaya Chain of Command ini, individu yang bekerja di bawah organisasi tidak akan terkeliru atau tidak tahu untuk merujuk kepada siapa jika mahu menyampaikan maklumat yang sulit. Mereka boleh merujuk kepada pihak yang berkenaan untuk meminta pertolongan dan maklum balas untuk sesuatu perkara.

Keseragaman ada salah satu aspek yang amat dititikberatkan oleh tentera di mana mereka dikehendaki memakai pakaian yang seragam dengan semua ahli organisasi. Keseragaman menonjolkan imej yang baik iaitu nilai kerjasama dan kesefahaman yang tinggi dalam sebuah organisasi. Keseragaman juga menunjukkan tahap disiplin seseorang individu terhadap peraturan yang telah ditetapkan oleh sesebuah organisasi. Dengan mempraktikkan nilai budaya keseragaman dalam sesebuah organisasi, ianya sedikit sebanyak memberikan kesan positif dari segi hubungan dan disiplin terhadap setiap individu yang bekerja di bawah organisasi yang sama.

Budaya senioriti adalah satu budaya yang terkenal dalam organisasi ketenteraan. Ianya adalah satu budaya di mana, anggota yang lebih muda ataupun yang baru menyertai organisasi ketenteraan


hendaklah menghormati anggota yang lebih tua ataupun yang lebih lama pengkhidmatannya dalam organisasi ketenteraan. Budaya tersebut dipraktikkan bukan bermaksud untuk membuka peluang kepada anggota yang lebih lama berkhidmat untuk membuli anggota yang baru berkhidmat dalam sesebuah unit ketenteraan tersebut. Tujuan budaya tersebut dipraktikkan dan dititikberatkan dalam organisasi ketenteraan adalah bertujuan untuk memupuk rasa hormat kepada anggota yang lebih pengalamannya dan perkhidmatan mereka dalam organisasi ketenteraan. Tiada nilai dan unsur pembulian wujud dalam budaya senioriti.


Dalam organisasi awam, budaya tentera seperti yang diterangkan di atas sedikit sebanyak memberikan satu impak positif kepada anggota yang terlibat bekerja dalam sektor tersebut. Pekerja akan lebih menghormati antara satu sama lain dan yang lebih lama perkhidmatannya, mempunyai lebih banyak pengalaman dan ilmu akan dihormati dan seterusnya boleh memberikan tunjuk ajar dan berkongsi ilmu yang telah diperolehi kepada anggota yang baru berkhidmat dalam sektor tersebut. Seperti organisasi ketenteraan juga, yang lebih berpengalaman akan bertanggungjawab untuk memberikan tunjuk ajar, berkongsi pengalaman dan berkongsi ilmu mereka kepada yang baru berkhidmat menjadi seorang tentera.

Kesimpulannya, nilai dan budaya yang diamalkan oleh organisasi ketenteraan sepatutnya diamalkan oleh masyarakat awam kerana ianya memberi banyak kesan positif dan ianya juga mampu mengubah sesebuah organisasi yang berada pada tahap biasa ke tahap yang luar biasa.

Rujukan:

Alvaro, S., Urban, S., McKee, B., Hill, A. S. (2005). *Military and Organizational Culture*. (An Annotated Secondary Bibliography of Literature from the Past Ten Years) Cole, R. F. (2014). *Understanding Military Culture: A Guide for Professional School Counselors*. *The Professional Counselor* 4(5), 497-504 Redmond, S. A., Wilcox, S.L., Campbell, S., Kim, A., Finney, K., Barr, K. and Hassan, A. M. (2013). *A Brief Introduction to the Military Workplace Culture*





Peranan Dasar PENDIDIKAN NEGARA Dalam Membentuk PERPADUAN NEGARA

Perpaduan ialah satu proses yang menyatupadukan masyarakat dalam sesebuah negara secara keseluruhannya melalui ideologi negara bagi membentuk satu identiti dan nilai masyarakat yang sama di samping menerapkan semangat kenegaraan yang sama dalam kalangan masyarakat. Perpaduan memainkan peranan penting dalam memacu kestabilan & kemajuan negara. Sejak merdeka lagi, kerajaan telah memupuk semangat perpaduan dalam memakmurkan negara kita. Pelbagai dasar telah dijalankan untuk mencapai proses perpaduan ini. Tanpa perpaduan, kemajuan negara yang ingin dicapai untuk Wawasan 2020 tidak mungkin akan menjadi kenyataan kerana kerjasama diperlukan untuk menjana kemajuan.

Persoalan besar yang dihadapi para pemimpin dan pendidik selepas Perang dunia Kedua ialah mencari formula untuk melahirkan satu masyarakat Malaysia yang bersatu padu, yakni masyarakat majmuk yang mempunyai keazaman, kesanggupan dan kesediaan untuk hidup bersama dengan rukun dan damai serta mempunyai kesedaran, keperibadian dan nilai-nilai sebagai rakyat Malaysia.

Salah satu cara yang berkesan untuk mewujudkan perpaduan di dalam sesebuah negara ialah menerusi pendidikan. Dalam konteks Malaysia, hakikat bahawa pendidikan merupakan faktor unggul dalam membina kerakyatan yang tunggal telah lama disedari. Berikut merupakan cara bagaimana sistem pendidikan boleh membentuk perpaduan:

SISTEM PERSEKOLAHAN SAMA BAGI SEMUA

Pada asasnya Laporan Razak mencadangkan penubuhan sekolah-sekolah umum yang menggunakan bahasa Melayu sebagai bahasa penghantarnya dan sekolah-sekolah jenis umum menggunakan bahasa pengantar Cina, Tamil dan Inggeris. Kepentingan bahasa Melayu sebagai bahasa untuk perpaduan jelas dinyatakan. Laporan ini telah menjadi rujukan sebagai dasar pendidikan kerajaan sehingga kini & bahasa Melayu telah menjadi bahasa pengantar di semua peringkat sekolah.

BAHASA KEBANGSAAN SEBAGAI BAHASA PENGANTAR UTAMA

Cara paling penting untuk menyatupadukan masyarakat berbilang kaum di Malaysia ialah melalui penggunaan bahasa kebangsaan. Penggunaan satu bahasa perhubungan dan persefahaman di antara satu kaum dengan yang lain dapat diwujudkan tanpa menimbulkan rasa curiga. Langkah ini mempercepatkan lagi perpaduan dan rasa harmoni antara kaum di negara ini.

KURIKULUM YANG SAMA

Kurikulum ialah satu rancangan pendidikan yang terkandung di dalamnya segala ilmu pengetahuan serta kemahiran, nilai-nilai dan norma, unsur-unsur kebudayaan dan kepercayaan yang telah menjadi pilihan masyarakat untuk diperturunkan kepada ahli-ahlinya. Peranan kurikulum dalam pendidikan adalah untuk membina perkembangan pelajar yang lengkap dari segi jasmani, rohani, akal dan emosi. Dalam konteks negara Malaysia, kurikulum juga berperanan untuk melahirkan rakyat yang mendukung cita-cita negara dalam mewujudkan perpaduan yang berpandukan Rukun Negara di samping menghasilkan tenaga rakyat yang terlatih untuk keperluan negara (modal insan).



PEPERIKSAAN YANG SERAGAM

Rancangan kerajaan untuk menyeragamkan kurikulum di sekolah-sekolah telah diperkukuhkan lagi dengan mewujudkan satu sistem peperiksaan yang seragam. Dengan adanya sukatan pelajaran dan peperiksaan yang seragam, pelajaran para pelajar tidaklah terganggu apabila terpaksa berpindah sekolah. Langkah ini boleh membantu melancarkan proses penyatuan pelajar berbilang kaum di samping mewujudkan pemahaman yang sama. Jika kita lihat sekarang, dasar pendidikan yang dijalankan kerajaan kini menampakkan hasilnya. Oleh itu, ditekankan bahawa pendidikan menjadi alat membentuk perpaduan kaum. Belajar & kaji sejarah untuk mendapatkan manfaat berguna & meningkatkan kualiti hidup kita. Kita sepatutnya mencontohi Dr. Mahathir Mohamad yang rajin membaca & mengkaji bahan sejarah serta berjaya menaikkan nama Malaysia di persada dunia dengan kekuatan pembacaannya.

AKTA BAHASA KEBANGSAAN- PERKARA 152 PERLEMBAGAAN PERSEKUTUAN TANAH MELAYU.

Akta ini diluluskan pada tahun 1967. Akta ini memartabatkan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan seperti yang termaktub dalam perlembagaan & menjadi jaminan kepada perpaduan rakyat Malaysia. Pada tahun 1982, bahasa Melayu menjadi bahasa pengantar di sekolah dan menjadi bahasa yang digunakan di mahkamah pada 1990. Akta ini mewujudkan penggunaan satu bahasa perhubungan dan persefahaman di antara satu kaum dengan yang lain tanpa menimbulkan rasa curiga.

SUKATAN PELAJARAN YANG SEKATA

Sukatan pelajaran yang sama isi kandungannya yang disyorkan oleh Penyata Razak adalah dianggap sebagai salah satu asas sistem pelajaran kebangsaan bagi mewujudkan perpaduan negara. Mata pelajaran Sejarah memainkan peranan penting ke arah matlamat pembangunan. Melalui pelajaran Sejarah diharapkan dapat membina semangat perpaduan dan perasaan hormat menghormati terutama dalam masyarakat yang berbilang kaum, agama dan adat resam. Sukatan pelajaran yang seragam membolehkan pandangan dunia (world view) setiap kaum di Malaysia hampir sama & tidak mewujudkan perselisihan dalam persefahaman.



Bahan Terbitan

JKKN

JABATAN KEBUDAYAAN
& KESENIAN NEGARA
جباتن کبودایان دان کسنيان نگارا
NATIONAL DEPARTMENT FOR CULTURE & ARTS



BUKU TERBITAN JKKN



KESENIAN & KEBUDAYAAN DALAM PENYUBURAN INTEGRASI NASIONAL DI MALAYSIA

Buku ini merupakan kompilasi tulisan tentang kesenian dan kebudayaan serta hubungannya dengan kerangka pembinaan negara bangsa. Himpunan karya oleh sarjana dari pelbagai disiplin kesenian dan kebudayaan dibentangkan dengan tujuan menggagaskan sebuah wacana bertemakan perpaduan dan integrasi nasional.

RM 11.00

ISBN: 978-967-5552-55-7



MANUSKRIP SYARAHAN PERDANA BUDAYA 2011 - 2016

Buku ini merupakan kompilasi Manuskrip Syarahan Perdana Budaya yang telah dilaksanakan dari tahun 2011 hingga 2016. Program Syarahan Perdana Budaya merupakan program keilmuan yang menjadi wadah dan landasan perkongsian serta ilmu pengetahuan daripada tokoh-tokoh negarawan. Keseluruhan topik pengucapan daripada tokoh-tokoh di atas bertujuan untuk memperkasakan kefahaman masyarakat mendepani masa depan dengan lebih gemilang.

RM 25.00

ISBN: 978-967-5552-57-1



SILAT WARISAN BANGSA MALAYSIA

Silat ialah seni bela diri bangsa Melayu yang kini diiktiraf sebagai seni bela diri dalam Akta Warisan Negara. Ia menjurus kepada silat Melayu yang diamalkan oleh orang-orang Melayu di Semenanjung Tanah Melayu yang dianggap sebagai silat asli tempatan atau silat versi Malaysia yang menjadi maksud pada tajuk Silat Warisan Bangsa Malaysia. Buku ini amat sesuai dibaca, bersesuaian dengan matlamat 1Malaysia dalam agenda membina negara. Untuk mencapai kemajuan bagi negara, rakyat perlu dimajukan dengan membentuk sikap penerimaan antara kaum, yang membawa kepada perpaduan yang utuh. Apabila perpaduan dicapai, maka urusan pembangunan negara akan berjalan dengan lebih lancar.

RM 25.00

ISBN: 97-967- 5552-62- 5




CERITA LISAN JAKUN : DARI LEMBANGAN ENDAU - ROMPIN

Penerbitan Buku Tradisi Lisan Jakun : Dari Lembangan Endau – Rompin mengetengahkan dan menonjolkan keunikan dan keistimewaan yang dimiliki oleh suku kaum Jakun dalam konteks sastera lisan di Malaysia.

RM 13.00

ISBN: 978-967-5552-58-8

**CD / DVD
TERBITAN JKKN**



**GEMA WARISAN GEMELAN
MELAYU**

Menghimpunkan lagu-lagu Gamelan yang menampilkan beberapa ciptaan yang sudah lama tidak dimainkan, termasuk lagu-lagu yang tidak pernah dirakamkan dalam mana-mana album Gamelan di pasaran. Kebanyakan lagu-lagu ini dicipta berdasarkan pada Hikayat Seri Rama. Terdapat juga notasi bagi setiap lagu disertakan untuk panduan umum dan juga bagi tujuan pembelajaran.

RM 15.00
TAHUN : 2015



**KESENIAN & KEBUDAYAAN
DALAM PENYUBURAN INTEGRASI
NASIONAL DI MALAYSIA**

Memaparkan rakaman persembahan tarian negeri-negeri termasuk tarian kaum Cina dan India. Tarian-tarian yang dipersembahkan merupakan tarian yang menjadi tanda atau lambang kepada negeri tersebut termasuklah tarian etnik yang jarang diperlihatkan kepada umum.

RM 20.00
TAHUN : 2015






KATEGORI BUKU

BIL.	TAJUK	TAHUN TERBITAN	HARGA RM
1.	Alat-alat Muzik Dan Muzik Instrumental Kadazan Dusun Tambunan	2003	8.50
2.	Alat Muzik Sompoton Negeri Sabah	2003	8.50
3.	Istiadat Naik Buai	2003	8.50
4.	Koleksi Pengenalan Tarian & Muzik Tradisional Negeri Pahang	2003	10.00
5.	Sejarah dan Perkembangan Tarian Tarinai Perlis	2003	8.50
6.	Set Koleksi Siri Mengenal Budaya 1/2003 (Dabus, Hamdolok, Mek Mulung, Dikir Barat, Boria, Jikey dan Wayang Kulit)	2003	48.00
7.	A Collection Of Cultural Appreciation Series 1/2003 (Dabus, Hamdolok, Mek Mulung, Dikir Barat, Boria, Jikey dan Wayang Kulit)	2003	48.00
8.	Biografi Primadona Bangsawan : Aminah Nani	2004	12.00
9.	Joget Lambak	2004	10.00
10.	Nyanyian Rakyat Khazanah Bangsa Yang Hilang	2004	12.00
11.	Penyair Laut J. M. Aziz	2004	30.00
12.	Syair Asyiqin	2004	12.00
13.	Tamadun Rumpun Budaya Melayu	2004	20.00
14.	Wayang Gedek Kesenian Warisan Melayu	2004	15.00
15.	Anak Raja Gondang dan Lain-Lain Cerita Makyung	2005	15.00
16.	Aspek Lakonan Dalam Teater Bangsawan (Kulit Tebal)	2005	43.00
17.	Aspek Lakonan Dalam Teater Bangsawan (Kulit Nipis)	2005	35.00
18.	Acting Aspect in Bangsawan Theatre	2005	35.00
19.	Negeri Kebayan dan Lain-Lain Cerita	2005	15.00
20.	Seri Terengganu	2005	25.00
21.	1000 Pantun Dondang Sayang	2006	20.00
22.	Adat Resam Masyarakat Malaysia	2006	18.00
23.	Hari-Hari Perayaan Masyarakat Malaysia	2006	18.00
24.	Joget Gamelan Terengganu & Pahang	2006	78.00
25.	Resepi Nasi 100	2006	30.00
26.	Syed Alwi Seniman Negara (Kulit Tebal)	2006	52.00
27.	Syed Alwi Seniman Negara (Kulit Nipis)	2006	30.00
28.	Syed Alwi Artiste Extraordinaire	2006	30.00
29.	Tradisi Lisan Bercorak Cerita	2006	30.00



BIL.	TAJUK	TAHUN TERBITAN	HARGA RM
30.	Alam Terbentang Menjadi Guru	2008	20.00
31.	Budaya & Masyarakat Berbilang Kaum di Malaysia (Jilid I)	2008	20.00
32.	Bahasa Melayu Titian Ilmu (Jilid II)	2008	20.00
33.	Sastera Kebangsaan, Pendidikan Sastera dan Pembinaan Negara (Jilid III)	2008	20.00
34.	Hari-hari Perayaan Masyarakat Malaysia (Bahasa Mandarin)	2008	35.00
35.	Malaysian Festivals	2008	25.00
36.	Kisah Ombak Tiga Bersaudara	2008	23.00
37.	Pantun Warisan Rakyat	2008	15.00
38.	Alat Muzik Tradisional Dalam Masyarakat Melayu Di Malaysia	2009	23.00
39.	Plural Culture & Society In Malaysia	2009	20.00
40.	Lundayeh Dictionary	2009	45.00
41.	Kebudayaan Malaysia (Kulit Tebal)	2009	20.00
42.	Kebudayaan Malaysia (Kulit Nipis)	2009	17.00
43.	Malaysian Culture (Kulit Tebal)	2009	20.00
44.	Malaysian Culture (Kulit Nipis)	2009	17.00
45.	Koleksi Lagu-lagu Koir Kebangsaan (Bersama CD)	2009	33.00
46.	Pemikiran Kesusasteraan : Wajah dan Wadah Kebudayaan Kebangsaan	2009	16.50
47.	Siri Penyelidikan Seni dan Budaya Selangor Darul Ehsan : Dabus	2009	10.00
48.	Malaysian Customs & Traditions	2010	28.00
49.	Gagasan 1Malaysia Melalui Landasan Seni dan Budaya	2010	25.00
50.	Siri Penyelidikan Seni dan Budaya Selangor Darul Ehsan : Kumpang Jawa	2010	15.00
51.	Siri Tokoh Anugerah Seni Negara (Haji Abdul Rahman Abu Bakar, Datuk Dr. Ahmad Nawab bin Nawab Khan dan YB. Senator Tan Sri Datuk Jins Shamsudin)	2010	42.00
52.	Bahasa Dijajaran Masa	2011	15.00
53.	Biografi Tokoh Budaya Negeri Perlis	2011	25.00
54.	Budaya & Masyarakat Berbilang Kaum di Malaysia (Mandarin)	2011	20.00
55.	The Malays Language : Bridge To Knowledge (Volume II)	2011	20.00
56.	Koleksi Puisi Tradisional Berbalas Pantun Merakam Zaman	2011	35.00
57.	Kanjat	2012	25.00
58.	Lirikan Lirik	2012	30.00
59.	Perkahwinan Masyarakat Di Malaysia	2012	30.00
60.	Gambus : Sejarah, Instrumentasi & Gaya Permainan Di Johor	2013	25.00
61.	Monograf Seni Budaya Bil. 1	2013	30.00
62.	Monograf Seni Budaya Bil. 2	2013	24.00
63.	Bobolian : Seni Teater Etnik Dusun	2014	34.00
64.	The Traditional Musical Instruments Of The Malays In Malaysia	2014	27.00
65.	Seni Berbari	2014	34.00
66.	Perubahan Sosio Budaya Dalam Masyarakat	2014	33.00
67.	Malaysian Weddings	2014	28.00
68.	Globalisasi & Cabaran Budaya Di Malaysia	2015	20.00
69.	Modul Inspitari Siri 1 : Pilihan Tarian-Tarian Inspitari 2013 (Bersama DVD)	2015	45.00
70.	Koleksi Pantun Majlis Rasmi	2015	10.00
71.	Modul Pengajaran & Pembelajaran Mak Yung	2015	23.00
72.	Koleksi Skrip Siri Semarak Bangsawan	2015	20.00
73.	Cerita Lisan Jakun : Dari Lembangan Endau – Rompin	2016	13.00
74.	Kesenian & Kebudayaan Dalam Penyuburan Integrasi Nasional Di Malaysia	2016	11.00
75.	Manuskrip Syarahan Perdana Budaya 2011- 2016	2016	25.00





KATEGORI CD/VCD/DVD

BIL.	TAJUK	BAHAN	TAHUN TERBITAN	HARGA RM
1.	Semangat Merdeka	VCD	2003	10.00
2.	Festival Kesenian ASEAN	VCD	2003	10.00
3.	Festival Kesenian Kanak-Kanak 2003	VCD	2003	10.00
4.	Dendang Rakyat Terengganu	CD	2003	10.00
5.	Instrumental Keroncong	CD	2003	10.00
6.	Lagu-lagu Kumpulan Tumbuk Kalang	CD	2003	10.00
7.	Muzik & Lagu Tradisional Perak	CD	2003	10.00
8.	Festival Kesenian Kanak-Kanak 2004	VCD	2004	10.00
9.	Kesenian Tradisional Negeri Melaka	VCD	2004	10.00
10.	Lagu-Lagu Melayu Sarawak : Tergeleng-geleng	CD	2004	10.00
11.	Lagu-Lagu Rakyat Negeri Pahang : Roslan Madun	CD	2004	10.00
12.	Majlis Kenduri Adat Melenggang Perut	VCD	2005	10.00
13.	Perkahwinan Adat Rembau	VCD	2005	10.00
14.	Persembahan Wayang Gedek Seri Asun	VCD	2005	10.00
15.	Selampit Raja Besar Ho Gading	VCD	2005	10.00
16.	Siri Dokumentari Kesenian Tradisional Malaysia : Jikey	VCD	2005	10.00
17.	Siri Dokumentari Kesenian Tradisional Malaysia : Hamdolak	VCD	2005	10.00
18.	Tarian Tradisional Terengganu	VCD	2005	10.00
19.	Tunas Budaya	VCD	2005	10.00
20.	Upacara Pasak Indong : Majlis Kenduri Adat Kaum Tidong	VCD	2005	10.00
21.	Dendangan Indera Kayangan	CD	2005	10.00
22.	Perfandingan Akhir Bintang Asli Remaja Kebangsaan 2007	CD	2007	10.00
23.	Senam Seni (Lama)	DVD	2008	10.00
24.	Bintang Asli Remaja 2006	CD	2008	15.00
25.	Dodoi Si Manja	VCD	2008	10.00
26.	Pembelajaran Tarian-Tarian Malaysia	DVD	2008	15.00
27.	Folk Tunes of Malaysia	CD	2008	10.00
28.	Irama Asli (Minus One)	CD	2008	20.00
29.	Irama Malaysia (Minus One)	CD	2008	20.00
30.	Lagu-Lagu Rakyat Malaysia : Zainal Abidin	CD	2008	10.00
31.	Festival Tari Kebangsaan 2009	DVD	2010	20.00
32.	Senam 1 Malaysia (Baru)	DVD	2010	10.00
33.	Bangsawan 5 Bersaudara	DVD	2011	20.00
34.	Inspitari 2010	DVD	2011	20.00
35.	Bangsawan Celorong Cheloreng	DVD		10.00
36.	Gerak 2011	DVD		10.00
37.	Inspitari 2011 : Inspirasi Tari Malaysia (Bersama Buku)	DVD		30.00
38.	Inspitari 2012	DVD		20.00
39.	Inspitari 2013	DVD		26.00
40.	Puisi Tradisional	CD		13.00
41.	Karaoke Lagu Rakyat Malaysia	DVD & CD		20.00
42.	Konsert Koir Kebangsaan – Kembara Muzikal Teater & Filem	DVD		20.00
43.	Konsert Koir Kebangsaan – ‘Voices Of Harmony’	CD		20.00
44.	A Malaysian Journey : Dennis Lau	CD		20.00
45.	Tingkah! – Muzik Paluan & Pergendangan	CD		15.00
46.	Inspitari 2014	DVD		20.00
47.	Koleksi Tarian Negeri-Negeri Di Malaysia	DVD		20.00
48.	Gema Warisan – Gamelan Melayu	CD		15.00
49.	Lagu-Lagu Inspitari 2013	CD		15.00
50.	Lagu-Lagu Inspitari 2014	CD		15.00
51.	Lagu-Lagu Inspitari 2015	CD		15.00

JKKN

JABATAN KEBUDAYAAN
& KESENIAN NEGARA
جيان كيودايان دان كسينيان نكارا

Jabatan Kebudayaan Dan Kesenian Negara

Aras 16, 18, 19, 26, 27, 30 Dan 34
Lot 1001, Menara Th Perdana
Jalan Sultan Ismail
50250 Kuala Lumpur
No. Tel. : 03-2614 8200
Faks : 03-2697 0884

Jabatan Kebudayaan Dan Kesenian Negara Selangor,

Lot 22.2 Tingkat 22, Wisma Mbsa
Persiaran Perbandaran,
40000 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan
No. Tel : 03 - 5510 2664/2791
No. Faks : 03 - 5510 2839

Jabatan Kebudayaan Dan Kesenian Negara Pahang,

Kompleks JKKN Pahang,
Lot 57100, Jalan Tok Sisek,
25000 Kuantan,
Pahang Darul Makmur
No. Tel : 09 - 517 8466
No. Faks : 09 - 517 9466

Jabatan Kebudayaan Dan Kesenian Negara Perlis,

Kompleks JKKN Perlis,
Persiaran Wawasan Kangar,
01000 Kangar,
Perlis Indera Kayangan,
No. Tel : 04 - 979 3604
No. Faks : 04 - 977 0117

Jabatan Kebudayaan Dan Kesenian Wilayah Persekutuan,

Kompleks JKKN Wpkl,
Jalan Tun H.S Lee,
50000 Kuala Lumpur
No. Tel : 03 - 2072 6431/6779
No. Faks : 03 - 2070 4064

Jabatan Kebudayaan Dan Kesenian Negara Terengganu,

Kompleks JKKN Terengganu,
Kuala Ibai,
20400 Kuala Terengganu,
Terengganu Darul Iman
No. Tel : 09 - 617 8831
No. Faks : 09 - 617 8832

Jabatan Kebudayaan Dan Kesenian Negara Kedah,

Kompleks JKKN Kedah,
Lot Ptd 400,
05250 Alor Setar,
Kedah Darul Aman,
No. Tel : 04 - 731 5930
No. Faks : 04 - 733 8128

Jabatan Kebudayaan Dan Kesenian Negara Negeri Sembilan,

Kompleks JKKN
Negeri Sembilan,
Jalan Sungai Ujong,
70200 Seremban,
Negeri Sembilan Darul Khusus
No. Tel : 06 - 767 6793 /
763 6308
No. Faks : 06 - 763 4417

Jabatan Kebudayaan Dan Kesenian Negara Kelantan,

Lot 1993, Seksyen 49,
Tanjong Chat,
15200 Kota Bharu,
Kelantan Darul Naim
No. Tel : 09 - 741 7000
No. Faks : 09 - 741 7004

Jabatan Kebudayaan Dan Kesenian Negara Pulau Pinang,

Kompleks JKKN Pulau Pinang,
Kompleks Pusaka Warisan Seni,
Lot No. 2180 Jalan Rawang,
Off Jalan P. Ramlee,
10460 Pulau Pinang
No. Tel : 04 - 281 7791/7792
No. Faks : 04 - 281 7781

Jabatan Kebudayaan Dan Kesenian Negara Melaka,

Kompleks JKKN Melaka,
Lebuh Ayer Keroh,
75450 Melaka
No. Tel : 06 - 233 1790/233 1787
No. Faks : 06 - 233 1784

Jabatan Kebudayaan Dan Kesenian Negara Sarawak,

Tingkat 5 Bangunan Sultan
Iskandar,
Jalan Simpang Tiga,
93000 Kuching,
Sarawak
No. Tel : 082 - 422 006/423 106
No. Faks : 082 - 244 394

Jabatan Kebudayaan Dan Kesenian Negara Perak,

Kompleks JKKN Perak,
Lot 20561 @ 20565,
Jalan Cardwell,
Off Jalan Raja Di Hilir
30350 Ipoh,
Perak Darul Ridzuan
No. Tel : 05 - 253 7001
No. Faks : 05 - 241 7017

Jabatan Kebudayaan Dan Kesenian Negara Johor,

Aras 6 Kiri, Wisma Perkeso,
No 26, Jalan Susur 5,
Off Jalan Tun Abdul Razak, Larkin,
80200 Johor Bahru,
Johor Darul Takzim
No. Tel : 07 - 224 8270/223 1249
No. Faks : 07 - 223 9413

Jabatan Kebudayaan Dan Kesenian Negara Sabah,

Kompleks Jkkn Sabah,
Km 4 Jalan Penampang,
88200 Kota Kinabalu,
Sabah
No. Tel : 088 - 237052/051
No. Faks : 088 - 242 052



www.jkkn.gov.my

#mysenibudaya

"Semarakkan Seni Budaya Malaysia"

Cawangan Dokumentasi & Penerbitan
Tingkat 30, Menara TH Perdana, Lot 1001 Jalan Sultan Ismail, 50250
Kuala Lumpur.
Tel : 03 2614 8200 Faks : 03 2697 1066/1067